

## RINGKASAN EKSEKUTIF



Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengumumkan cadangan penubuhan Taman Negeri Bukit Panchor (TNBP) pada tahun 2008. Taman Negeri ini dijangka akan diwartakan di bawah Enakmen Perhutanan Negara (Pindaan) 2007. Kawasan ini telah diwartakan pada tahun 1984 sebagai Hutan Simpan Kekal di bawah Enakmen Perhutanan Negara 1984 dan adalah di bawah penguasaan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang.

TNBP merangkumi kawasan seluas 445 hektar dan berkedudukan di penjurutenggara Negeri Pulau Pinang di Seberang Perai. Tasik Panchor juga termasuk di dalam kawasan TNBP. Tasik ini membekalkan air kepada loji pemprosesan air Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Bhd (PBAPP) yang terletak di luar kawasan TNBP. Puncak tertinggi di TNBP adalah Bukit Panchor pada ketinggian 416m. Kedua-dua sempadan TNBP di sebelah timur dan selatan juga merupakan sempadan di antara Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah. Sebahagian besar kegunaan tanah di luar dan sekelilingi TNBP adalah untuk kegiatan pertanian seperti ladang getah, ladang kelapa sawit dan dusun buah-buahan serta kawasan hutan sekunder. Ladang-ladang kelapa sawit dan getah adalah dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil.

Aktiviti pertanian seperti penanaman getah, kelapa sawit dan dusun juga boleh didapati di luar sempadan barat TNBP, sementara di luar sempadan utara pula terdapat loji pemprosesan air PBAPP, Institut Latihan PERDA dan Kampung Sungai Buaya.

Pelan pengurusan ini adalah dokumen perancangan sementara yang disediakan untuk mengatasi isu-isu pengurusan yang mustahak untuk TNBP.

Oleh itu, objektif pelan pengurusan ini adalah seperti berikut:

- i. memberi rangka kerja asas untuk sistem pengurusan yang berkesan;
- ii. memberi perlindungan yang lebih baik dan menjamin kemampanan jangka-masa panjang;
- iii. mempromosi kajian saintifik tentang sumber biologi, fizikal dan ekonomi;

- iv. mempromosi TNBP sebagai pusat lapangan pendidikan alam sekitar yang unggul;
- v. mengeratkan hubungan dan menggalakkan penglibatan dengan masyarakat tempatan.

Selain daripada kepentingannya kerana mengandungi beberapa jenis spesies yang terancam dan endemik, TNBP juga merupakan kawasan rekreasi yang dikunjungi oleh pelawat dari kawasan tiga negeri iaitu Pulau Pinang, Kedah selatan dan Perak utara. Pelan pengurusan ini mencadangkan supaya TNBP di bangunkan sebagai pusat pendidikan alam sekitar yang terunggul di kawasan ini. Pusat ini dapat berfungsi untuk menaikkan tahap kesedaran tentang kepentingan kepelbagaian biologi, perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar.

## **Ringkasan Cadangan Pengurusan**

### **1. Undang-undang Kawasan Taman Negeri**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah pertama dengan membuat pindaan kepada Enakmen Perhutanan Negara (Pindaan 2007) dengan memasukkan kategori Taman Negeri sebagai salah satu daripada klasifikasi Hutan Simpanan Kekal. Perwartaan TNBP adalah langkah seterusnya yang patut diambil oleh Kerajaan Negeri.

### **2. Pentadbiran**

Satu mekanisma harus diwujudkan untuk menghubungkan pentadbiran TNBP serta Taman-Taman Negeri lain yang bakal ditubuhkan kepada jentera Kerajaan Negeri. Oleh itu, dua jawatankuasa dicadangkan supaya ditubuhkan. Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Taman Negeri Pulau Pinang, dan
- ii. Jawatankuasa Pengurusan Taman Negeri Bukit Panchor

Adalah dicadangkan supaya Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berkenaan mengetuai Jawatankuasa Taman Negeri Pulau Pinang. Matlamat utama jawatankuasa ini adalah untuk memberi nasihat berkenaan dasar, perkara-perkara yang diluar bidang kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dan untuk penubuhan Taman Negeri yang baru.

Jawatankuasa Pengurusan Taman Negeri Bukit Panchor pula patut diketuai oleh Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang. Di antara matlamat jawatankuasa ini adalah untuk memastikan TNBP diurus dengan baik, Pelan Pengurusan dilaksanakan dan memberi nasihat teknikal kepada Jawatankuasa Taman Negeri Pulau Pinang.

### **3. Pengurusan**

Adalah dicadangkan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang membuat permohonan kepada Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk menempatkan pegawai yang sesuai pada Gred G41 untuk mengurus TNBP dan Taman Negeri Pulau Jerejak yang telah dicadangkan, serta taman-taman negeri lain yang bakal ditubuhkan. Pegawai ini akan melapor terus kepada Pengarah, Jabatan Perhutanan Negeri. Dengan ini, struktur organisasi jabatan akan ditukar untuk mengambil kira penubuhan Unit Taman Negeri dan jawatan baru iaitu Pengurus Taman Negeri.

#### 4. Permit dan Fi

Kawasan perlindungan perlu dilihat sebagai satu sumber yang amat berharga. Oleh itu, ia hendaklah dinilai dari segi ekonomi. Dalam hal ini, para pengguna kawasan perlindungan ini haruslah memberi sumbangan kepada perkhidmatan yang disediakan. Hasil pendapatan ini boleh menampung perbelanjaan pengurusan Taman Negeri tersebut. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri harus mengenakan fi keatas pengguna dalam bentuk permit masuk untuk menjalankan aktiviti dan menggunakan kemudahan-kemudahan di Taman Negeri.

#### 5. Lokasi Pejabat Pengurusan Taman Negeri

Lokasi pejabat TNBP yang sedia ada harus dikekalkan sebagai Pejabat Pengurusan Taman Negeri.

#### 6. Kemudahan Baru

Kemudahan semasa TNBP adalah terhad, termasuk struktur-struktur sementara yang dibina khas untuk menampung keperluan ekspedisi yang telah dijalankan pada tahun 2008. Beberapa kemudahan baru adalah dicadangkan untuk dibangunkan. Kemudahan baru ini dapat meningkatkan nilai TNBP kepada pengunjung terutamanya apabila TNBP mula mengenakan caj keatas pengunjung. Kemudahan-kemudahan baru ini adalah seperti berikut:

Penginapan: **Chalet** - 5 unit dengan bilik mandi berkembar (2 unit dengan penyaman udara)  
**Hostel** - 4 unit dengan 20 katil dalam setiap hostel dengan bilik mandi

Kemudahan: **Pusat Interpretasi** - 1 unit berdekatan dengan Ibu Pejabat TNBP lengkap dengan Bilik AV and perpustakaan.  
**Kios Cenderahati** - 1 unit di Kawasan Rekreasi.  
**Menara Pandang** - 1 unit di puncak Bukit Panchor.  
**Denai Self guiding** - 1 unit dengan buku panduan intepretasi berdekatan dengan Kawasan Rekreasi.  
**Wakaf Tepi Tasik** - 1 unit wakaf terbuka di tepi Tasik Panchor.  
**Ran (Hide)** - 2 unit di kawasan lembap di hujung selatan Tasik Panchor.  
**Denai Sempadan** - 1 unit di sepanjang sempadan TNBP untuk kerja-kerja rondaan.  
**Denai Tasik** - 1 unit dari Kawasan Rekreasi menuju ke Tasik Panchor.  
**Jambatan** - 2 unit x 5m untuk merentasi anak sungai sepanjang denai.  
**Papan Tanda** - 25 unit (anggaran) di beberapa lokasi tertentu.

